

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 26, 2018 9:20 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: QRC'18 Ketengahkan Isu, Cabaran dan Potensi Penyelidikan Kualitatif



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

26 JULAI 2018 / 13 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: TISSA-UUM dan Seksyen Media UKK

QRC'18 KETENGAHKAN ISU, CABARAN DAN POTENSI PENYELIDIKAN KUALITATIF



UUM ONLINE: Melaka - Bertemakan 'Researching Real World', Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) menengahkan isu semasa, cabaran dan potensi dalam penyelidikan kualitatif pada Persidangan Penyelidikan Kualitatif 2018 (QRC'18) yang berlangsung selama tiga hari mulai 10 Julai lalu.

Persidangan antarabangsa kali ketiga yang turut mendapat kerjasama Institut Kajian Strategik dan Pembangunan Perakaunan Mampan (ISSAD) dan Yayasan Muhibah itu telah menghimpunkan seramai 80 peserta terdiri ahli akademik, ahli profesional, pentadbir dan juga pelajar dari dalam dan luar negara.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Ayoib Che Ahmad yang mewakili Naib Canselor berkata, objektif persidangan itu adalah untuk mewacanakan isu semasa, cabaran dan potensi berkaitan penyelidikan kualitatif.

Selain itu, menurutnya, QRC adalah bagi membudayakan penyelidikan kualitatif dalam kalangan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, meningkatkan kefahaman dan mengetengahkan kepentingan penyelidikan kualitatif dalam membuat keputusan dasar berkaitan pelbagai isu sejagat serta menyediakan ruang kepada para akademik, ahli-ahli profesional, pentadbir dan pelajar yang berorientasikan kajian kualitatif untuk berkongsi maklumat, idea dan pengalaman dalam pelbagai bidang ilmu.

Persidangan dimulakan dengan ucap tama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman.

Antara pengisian QRC'18 ialah bengkel *Philosophical Foundations of Qualitative Research* yang dikendalikan Prof Dr Abdul Rahim yang telah menarik penyertaan seramai 25 orang penyelidik yang berkecimpung dalam dunia penyelidikan berbentuk kualitatif dan sebanyak 60 kertas kerja dibentangkan penyelidik melibatkan tema kajian utama seperti perakaunan, pengurusan, pelancongan dan perubahan.

Hadir sama Dekan TISSA-UUM, Prof Madya Dr Chek Derashid yang berharap persidangan tersebut mampu menyediakan satu platform untuk membincangkan pelbagai cabang kajian dan penyelidikan dalam dunia akademik, selain menjadi pemangkin kepada perkembangan kajian kualitatif dalam pelbagai disiplin ilmu.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.